



MANUAL PENGGUNA
SISTEM *e-VETTING* 2.0

MODUL PENDAFTARAN DAN LOG MASUK

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

1. Daftar Pengguna Dan Akses Masuk Ke Sistem e-Vetting

1.1 Daftar Pengguna Baru

Menu Daftar Pengguna Baru hanya untuk pengguna bagi kategori Pemohon Individu dan Pemohon Syarikat / Jabatan bagi permohonan berkelompok sahaja. Bagi Pengesah Jabatan tidak perlu melalui langkah ini.

Langkah 01: Masukkan alamat pautan (URL) <https://evetting.cgso.gov.my/cgso> pada pelayar web dan skrin **Log Masuk** akan dipaparkan.

Gambarajah 1 : Skrin Log Masuk

Langkah 02: Klik butang pautan **Daftar** untuk mendaftar akaun pengguna baru. Skrin Daftar Baru akan dipaparkan seperti di bawah:

Gambarajah 2: Daftar Baru

Langkah 03: Sila pilih **Jenis Pendaftaran**.

Langkah 04: Sila pilih **Jenis ID**.

Langkah 05: Sila Masukkan **ID Pengguna**, **Nama**, **Emel** dan Masukkan **Imej "CAPTCHA"** dalam medan yang disediakan(Pastikan Nama dan ID Pengguna seperti di Kad Pengenalan Baru atau Pasport).

Langkah 06: Klik butang **Daftar** untuk menghantar borang permohonan dan meneruskan proses daftar. Mesej "**Pendaftaran Pengguna berjaya dihantar. Sila semak emel anda.**" akan dipaparkan.



Gambarajah 3: Mesej "Pendaftaran pengguna Berjaya dihantar. Sila Semak emel anda."



Langkah 07: Pemohon boleh menyemak emel pendaftaran sama ada pendaftaran **Berjaya** atau **Gagal**.

Langkah 08: Jika berjaya pemohon boleh **Log Masuk** ke Sistem e-Vetting dan membuat permohonan baru. Jika gagal, sila buat pendaftaran semula.

2 Log Masuk ke Sistem e-Vetting

Langkah seterusnya akan memberikan penerangan terperinci bagaimana untuk Log Masuk ke Sistem e-Vetting.

Langkah 01: Masukkan alamat pautan (URL) <https://evetting.cgso.gov.my/cgso> pada pelayar web dan skrin Log Masuk akan dipaparkan.



Gambarajah 4: Skrin Log Masuk

Langkah 02: Pilih **Jenis Pengguna**. (Jika Pemohon, pilih Pemohon Individu atau Pemohon Syarikat/ Jabatan; Jika Pengesah Jabatan, pilih Pengesah Jabatan)

Langkah 03: Masukkan **ID Pengguna** dan **Kata Laluan** (Seperti yang diterima melalui emel) ke dalam medan yang disediakan.

Langkah 04: Klik butang **Log Masuk**.



Manual Pengguna – Sistem e-Vetting



Gambarajah 5: Laman Utama

Langkah 05: Skrin **Laman Utama** akan dipaparkan seperti gambarajah **Laman Utama** di atas.